

# Orang Melayu perlu

UM - 8 OCT 2003

**K**UALA LUMPUR 7 Okt. — Reaksi dan sambutan luar biasa yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke atas kejayaan Datuk Azhar Mansor dan Datuk Malik Mydin merupakan mesej beliau kepada orang Melayu bahawa mereka perlu mempunyai daya ketahanan minda yang tinggi untuk berjaya.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah banyak menyebut dan menu-

lis mengenai perlunya orang Melayu mengubah minda mereka, namun pemikiran beliau sukar dire-sapi oleh golongan tersebut.

Justeru, katanya, melalui nilai-nilai daya saing dan daya tahan yang ditunjukkan oleh Azhar dan Malik, Perdana Menteri ingin membuktikan bahawa kaum Melayu berupaya menyaingi bangsa maju yang lain.

"Perdana Menteri sendiri menga-kui selepas kejayaan Malik, beliau mampu berdiri lebih kukuh dan bersama Timbalan Perdana Mente-

ri dan barisan Kabinetnya, beliau memberi sambutan besar ke atas kepulangan Malik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Sambutan ini menunjukkan bahawa Malik mempunyai daya ketahanan yang tinggi. Ia merupakan satu ciri yang penting dalam keadaan dunia hari ini kerana dengan adanya kekuatan ketahanan minda kaum Melayu boleh berjaya.

"Nampak macam beliau hantar mesej itu dan kita terima mesej tersebut," katanya selepas merasmi-

## ketahanan minda

kan Wacana Minda Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

Wacana selama tiga hari yang bermula hari ini bertemakan *Penerusan Kecemerlangan Minda Melayu* mengupas dan mendapatkan pandangan tentang hal yang berkaitan minda Melayu melalui pembentangan 17 kertas kerja.

Menurut Muhammad, Dr. Mahathir sendiri telah menjadi sebuah institusi yang memberi pelbagai idea untuk kemajuan kaum Melayu.

Oleh itu, katanya, semua pihak termasuk golongan budayawan, karyawan, penulis, guru dan pakar motivasi harus bekerja secara kolektif untuk menterjemah dan menjayakan idea dan hasrat beliau.

"Kalau kita sama-sama tidak melakukannya, habis dia (bersara), habislah kita," ujarnya.

Beliau memberitahu, orang Melayu harus mempunyai pemikiran yang jelas dan mampu melihat sesuatu isu yang menuju ke arah matlamat untuk menjadi bangsa yang maju dan berdaya saing.

Katanya, mereka tidak harus terperangkap dengan gangguan daripada pihak-pihak yang diwakili oleh parti pembangkang yang bersifat jumud kerana mempunyai kepentingan untuk berkuasa dengan membawa isu-isu yang remeh.

Menurutnya, jika orang Melayu berfikiran bercelaru, maka mereka akan lari dari sasaran sekali gus menyebabkan proses membina minda Melayu menjadi bangsa yang lebih berdaya saing tidak akan terlaksana.